



15/15826
61

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Aras G-7, Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya

Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957

Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

TINJAUAN INISIATIF BANDAR HIJAU PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 25 Julai 2020 – Sesi tinjauan ke lokasi pembangunan komuniti dan industri Putrajaya pada hari ini membolehkan saya melihat sendiri perkembangan inisiatif yang digariskan di bawah Bandar Hijau ke arah Putrajaya Mampan 2025 khususnya yang melibatkan penyertaan komuniti setempat serta agensi berkepentingan. Ini turut memberi peluang kepada saya untuk bersama-sama dengan komuniti Putrajaya.

Program Pertanian Bandar Putrajaya (*Putrajaya Urban farming – PUF*)

Program Pertanian Bandar Putrajaya (*Putrajaya Urban farming – PUF*) merupakan inisiatif prihatin Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP), Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Jabatan Pertanian dan penduduk Putrajaya bagi membantu isi rumah di Putrajaya meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri sebahagian daripada bahan makanan yang diperlukan.

Program di bawah inisiatif Putrajaya Mampan 2025 ini telah mempunyai sebanyak enam (6) kebun tradisi/konvensional dan empat (4) kebun moden/berteknologi tinggi yang dilengkapi dengan sistem rumah lindungan hujan dan sistem pembajaan fertigasi. Kebun-kebun tradisi/konvensional secara berterusan menghasilkan produk tradisi pertanian seperti serai, lengkuas, bunga kantan, herba dan seumpamanya, manakala kebun-kebun moden/berteknologi tinggi telah menghasilkan produk seperti rock melon, cili, salad dan beberapa jenis lagi sayuran daun yang setara.

Pelbagai usaha sedang giat dilaksanakan oleh PPj untuk menambah baik pelaksanaan PUF. Langkah semasa PPj adalah untuk menjelmakan semula atau mentransformasi kepada satu kawasan taman edible dengan menggabungkan amalan landskap dan pertanian di PUF. Program yang mengutamakan penggunaan teknologi pertanian yang berimpak tinggi serta penggunaan model perniagaan bagi setiap peringkat perancangan, pembangunan, operasi, pengeluaran dan pemasaran untuk penghasilan yang terbaik. Selain dari itu, transformasi PUF ini juga bertujuan untuk menjadikan PUF Putrajaya sebagai salah satu produk pelancongan di Putrajaya serta membuka peluang pekerjaan untuk generasi yang akan datang.

Tapak Madu Kelulut Presint 15H4

Projek penternakan kelulut di Pinggiran Taman Rimba Alam ini sangat berdaya maju dan berpotensi besar untuk diperluaskan sebagai lokasi pelancongan berteraskan *urban agriculture* yang menekankan kepada '*urban beescape*' (gabungan persekitaran mesra lebah) kerana kawasan ini kaya dengan pelbagai spesies pohon menghasilkan getah damar yang diperlukan bagi membuat sarang kelulut

Projek Perintis Penternakan Madu Kelulut yang diinisiatifkan secara bersepadu bersama penduduk setempat pada Mac 2016 ini telah menghasilkan produk-produk madu kelulut berkualiti tinggi. Pada masa ini pengeluarannya terhad kepada pasaran di kalangan komuniti setempat. Namun ia juga turut menjadi pilihan sebagai cenderahati korporat di peringkat antarabangsa termasuk dalam lawatan pembesar negara. Di masa akan datang, madu kelulut ini berpotensi dikembangkan untuk menghasilkan produk-produk hiliran yang berasaskan madu seperti produk kosmetik dan perubatan seterusnya menggalakkan komuniti menceburi bidang keusahawanan.

Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS)

Projek Fasiliti Inovasi Kitar Semula (FIKS) yang pertama sekali dibina seumpamanya di negara ini merupakan satu manifestasi kerjasama di antara Perbadanan Putrajaya dengan pihak Alam Flora, dalam usaha mewujudkan persekitaran yang bersih dan sihat untuk orang ramai. Dengan adanya FIKS ini, pengurusan sisa pepejal di Putrajaya lebih sistematik, terancang dan membantu mengurangkan volume sisa pepejal yg perlu dihantar ke tapak pelupusan sampah pada kadar 15% setiap tahun.

Antara fasiliti dan kemudahan yang disediakan di FIKS ini adalah, Hab Ilmu, Butik 3R, Perpustakaan, Pusat Belian Balik Barangan Kitar Semula, Tempat Permainan dan juga Fasiliti Kitar Semula Bersepadu (IRF). Selain daripada itu, terdapat juga fasiliti pengumpulan minyak masak terpakai dan juga untuk membuat kompos dari sisa makanan dan juga *Anaerobic Digester* (AD) memandangkan 45- 50% sisa pepejal di Putrajaya ini telah dikenal pasti sebagai sisa makanan. Dengan adanya FIKS ini matlamat untuk mengurangkan sisa pepejal di Putrajaya ini dicapai seiring dengan aspirasi visi Putrajaya Bandar Hijau 2025.

Saya berharap program inisiatif Bandar Hijau ini dapat meningkatkan status sosioekonomi rakyat khususnya warga Wilayah Persekutuan Putrajaya. Pada masa yang sama dapat meningkatkan imej Putrajaya sebagai sebuah Bandar Hijau, dalam usaha mencapai matlamat menjadikannya sebagai sebuah bandar yang mampan menjelang tahun 2025.

TAN SRI TPr HJ ANNUAR MUSA
Menteri Wilayah Persekutuan
25 Julai 2020